**FAQ SKIM KEPENTINGAN 2019**

**(VERSI BAHASA MELAYU)**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Apakah skim kepentingan? | Klik di sini :<br><br>http://www.ssm.com.my/bm/Pages/Register_Business_Company_LLP/Company/Interest_Scheme/About_Interest_Scheme.aspx |
| 2 | Apakah jenis-jenis skim yang dibenarkan menurut Akta Skim Kepentingan 2016? | Menurut seksyen 4 (1) Akta Skim Kepentingan 2016; skim boleh terdiri daripada jenis-jenis berikut:<br>(a) Skim pelaburan;<br>(b) Skim keahlian rekreasi;<br>(c) Skim kongsi masa; atau<br>(d) Gabungan mana-mana skim tersebut. |
| 3 | Apakah modal berbayar minima yang ditetapkan? | **Skim Kecil**<br>• Modal Berbayar Minima (RM) = 500,000<br>  ○ Saiz Dana (RM) = Minima: 1 Juta Maksima: 10 Juta<br><br>**Skim Premium**<br>• Modal Berbayar Minima(RM) = 1 Juta<br>  ○ Saiz Dana (RM) = Melebihi 10 Juta hingga 50 Juta<br>• Modal Berbayar Minima (RM) = 2 Juta<br>  ○ Saiz Dana (RM) = Melebihi 50 Juta hingga 100 Juta<br>• Modal Berbayar Minima(RM) = 5 Juta<br>  ○ Saiz Dana (RM) = Melebihi 100 Juta<br><br>**Skim Asing** |

| | | |
|---|---|---|
| | • Modal Berbayar Minima (RM) = 5 Juta<br>  ○ Saiz Dana (RM) = Sebarang amaun | |
| 4 | Bagaimana untuk mendaftarkan skim kepentingan baharu? | Klik di sini:<br><br>http://10.220.21.29/personalisation/register-a-business-company-llp/company/interest-scheme/guide-to-registration-of-new-scheme/ |
| 5 | Bagaimana untuk pembaharuan Prospektus / Pernyataan Penzahiran Produk dan apakah fi yang dikenakan? | Klik di sini:<br><br>http://10.220.21.29/ms/personalisation/register-a-business-company-llp/company/interest-scheme/documents-for-application-other-than-registration-of-new-scheme/renewal-prospectus-product-disclosure-statement/ |
| 6 | Apakah Pernyataan Penzahiran Produk? | Seksyen 2 (1) Akta Skim Kepentingan 2016 menakrifkan Pernyataan Penzahiran Produk sebagai mana-mana pernyataan penzahiran produk atau pelawaan yang mempelawa permohonan atau penawaran untuk melanggan atau membeli atau menawarkan langganan atau pembelian apa-apa kepentingan dalam suatu skim kecil. |
| 7 | Adakah kandungan Pernyataan Penzahiran Produk sama dengan Prospektus? | Pernyataan Penzahiran Produk mesti mematuhi syarat di bawah Jadual Kedua tetapi ia boleh disediakan dengan cara yang kurang kompleks sejajar dengan struktur perniagaan dan operasi skim kecil yang kurang kompleks. |

| | | |
|---|---|---|
| 8 | Adakah penyata-penyata kewangan yang dirujuk di bawah seksyen 77 (2) dan perkara 37(d) Jadual Kedua di dalam Akta Skim Kepentingan 2016 berkaitan dengan penyata kewangan syarikat pengurusan ataupun penyata kewangan skim? | SSM akan mengeluarkan Garis Panduan berkaitan penyediaan penyata akaun skim dalam masa terdekat. Sementara itu:<br>i. Bagi tujuan serahsimpan penyata menurut seksyen 77(2) Akta Skim Kepentingan 2016<br>Penyata yang berkaitan mesti disertakan dengan penyata kewangan syarikat pengurusan.<br>ii. Bagi tujuan mematuhi Perkara 37(d) menurut Jadual Kedua Akta Skim Kepentingan 2016<br>Syarikat-syarikat pengurusan boleh mengikut amalan terdahulu dengan menyediakan Laporan Akauntan dan Akaun Untung Rugi tanpa penyata kewangan. |
| 9 | Adakah laporan perunding bebas yang dikehendaki di dalam Prospektus atau Pernyataan Penzahiran Produk perlu dikemukakan untuk pembaharuan bagi semua kategori skim? | Menurut Perkara 39 Jadual Kedua, Akta Skim Kepentingan 2016, laporan oleh perunding bebas yang perlu terkandung di dalam Prospektus atau Pernyataan Penzahiran Produk dan mesti dikemukakan semasa pembaharuan hanya untuk kategori skim yang dikehendaki melantik perunding bebas seperti ditetapkan oleh Pendaftar. |
| 10 | Saya tidak dapat mencari fi yang ditetapkan untuk serahsimpan surat ikatan amanah tambahan di bawah Peraturan-Peraturan Skim Kepentingan 2017. | Tiada fi yang ditetapkan kerana tiada syarat untuk serah simpan Surat Ikatan Amanah Tambahan dengan Pendaftar menurut seksyen 21 Akta Skim Kepentingan 2016. |
| 11 | Merujuk kepada Nota Amalan No. 1/2019, adakah saya perlu mendapatkan perakuan daripada | Perakuan daripada perunding bebas berhubung status skim hanya perlu dikemukakan bagi kategori skim yang telah ditetapkan oleh Pendaftar supaya perunding bebas dilantik. Pada masa kini, kategori |

| | | |
|---|---|---|
| | perunding bebas berhubung status kemajuan skim sekiranya kemudahan infrastuktur telah siap? | tersebut adalah seperti yang dinyatakan di dalam senarai semak bagi pendaftaran skim baru. |
| 12 | Siapakah yang layak untuk menjadi perunding bebas untuk suatu skim? | Individu atau syarikat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pendaftar. Pada masa kini, kriteria dan kelayakan tersebut telah dinyatakan di dalam senarai semak bagi pendaftaran skim baru.<br><br>Klik di sini untuk memuat turun senarai semak:<br><br>http://www.ssm.com.my/Pages/Register_Business_Company_LLP/Company/Interest_Scheme/Guide_Registration_New_Scheme.aspx |